

02 SEP 1997

Mahathir-Mufti

MUFTI SETUJU SELARAS PROSEDUR FATWA

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Semua mufti negeri hari ini bersetuju untuk menyelaraskan prosedur fatwa dan pentadbiran hukum syarak.

Persetujuan itu dicapai pada perjumpaan selama dua setengah jam antara mufti-mufti dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dalam persidangan berita selepas perjumpaan itu berkata keputusan hari ini akan dikemukakan kepada Majlis Raja-raja yang akan bermesyuarat akhir tahun ini.

Beliau berkata, perjumpaan itu berlangsung dalam suasana yang amat positif dan begitu mesra.

"Mufti-mufti menyanjung tinggi perjumpaan ini, bersihlah segala kekeliruan yang berlaku dan tuduhan terhadap Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan kerajaan mencabar mufti-mufti itu tidak timbul," katanya.

Abdul Hamid berkata perjumpaan itu mencapai kesimpulan bahawa hasrat kerajaan untuk memperkukuhkan kedudukan mufti sebagai tempat rujuk utama dan autoritatif dalam mengeluarkan hukum-hukum agama.

"Satu peringkat lain ialah mengenai pentadbiran hukum-hukum agama yang bukan bidang kuasa mufti dan dalam undang-undang negara yang juga bukan kuasa mufti.

"Maka kerajaan tidak mempertikaikan fatwa dan hukum-hukum syarak yang dikeluarkan oleh mufti dan semuanya kita patuh dan akur," katanya sambil menambah kata bahawa yang timbul masalah ialah mengenai pentadbiran negara dalam konteks pentadbiran hukum syarak negeri-negeri.

Beliau berkata perjumpaan itu bersetuju bahawa pentadbiran itu disusun semula dan mufti-mufti bersetuju supaya ada penyelarasan dalam dua aspek iaitu aspek institusi fatwa itu sendiri dan pentadbiran hukum syarak.

Dalam aspek institusi fatwa, beliau berkata prosedur yang dicadang untuk diselaraskan ialah fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri (yang dipengerusi Mufti Negeri) bukan muktamad tetapi perlu dirujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri yang turut dianggotai mufti.

Katanya, fatwa itu akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan diangkat kepada Sultan dan selepas itu dikembalikan kepada Penasihat Undang-undang Negeri untuk diwartakan.

Abdul Hamid berkata pada masa ini terdapat perbezaan antara negeri-negeri dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana mufti Wilayah Persekutuan berkuasa penuh membuat fatwa, mewartakannya dan boleh juga membatalkan fatwa itu.

Bagi mewujudkan keseragaman dalam perkara ini, prosedur fatwa yang selaras telah dicadangkan untuk dilaksanakan di semua negeri, katanya.

Dalam aspek pentadbiran hukum syarak pula, beliau berkata, pentadbiran Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah negeri-negeri akan diselaraskan terutama dari segi penguatkuasaan.

Abdul Hamid berkata, kekeliruan dalam isu mufti ini berpunca daripada salah faham terhadap kenyataan Dr Mahathir mengenai adanya orang yang diberi kuasa tidak tahu menggunakan kuasa apabila beliau mengulas tangkapan dan perbicaraan tiga orang peserta ratu cantik di Selangor baru-baru ini.

Perdana Menteri tidak maksudkan orang yang terlibat itu ialah mufti sebaliknya ialah pegawai penguatkuasa agama tetapi pihak lain yang salah faham atau sengaja mengambil kesempatan daripada kenyataan itu telah mengheboh-hebohkannya seolah-olah Dr Mahathir mencabar mufti, katanya lagi.

"Ada mufti yang kesedihan kerana Perdana Menteri dituduh sebegitu rupa akibat daripada kekeliruan dan salah faham yang diperbesarkan oleh pihak-pihak tertentu di negara kita," katanya.

Abdul Hamid berkata, hasil perjumpaan itu juga mufti-mufti sendiri bersetuju untuk memberikan penerangan bagi menjelaskan kekeliruan termasuk melalui khutbah Jumaat dan ceramah.

Dalam soal penetapan fatwa pula, mereka juga bersetuju untuk mengambilkira kepentingan masyarakat Islam di seluruh negara kerana Malaysia kini tidak mempunyai sempadan lagi dari segi pergerakan rakyat.

Dalam hubungan ini, peranan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan akan memainkan peranan lebih besar untuk membincangkan kes-kes yang dirujuk oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri, katanya.

Sementara itu ketika menjelaskan lebih lanjut mengenai kecaman pihak tertentu terhadap Dr Mahathir kerana kekeliruan itu, beliau berkata 12 masjid di Wilayah Persekutuan dikenalpasti digunakan pihak tertentu dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menghantar khatibnya ke masjid-masjid itu.

Beliau berkata semua 14 mufti negeri hadir pada perjumpaan itu.

Yang turut hadir Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor dan Anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Melor Datuk Haji Zainal Abidin Abdul Kadir. -- Bernama

AFY MNY AHH